

**DERAF TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATO' SRI
HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
PEMBINAAN JEJANTAS PEJALAN KAKI DAN MOTOSIKAL
DI PINTU MASUK
KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**PADA
01 OKTOBER 2016 (SABTU)**

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia
Terima Kasih Pengacara Majlis,

YB TAN SRI DR. JAMES JEMUT MASING,
MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & PENGANGKUTAN
SARAWAK

YB. AHLI-AHLI PARLIMEN,

YB. AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK,

YBHG. DATO' SRI ZOHARI BIN HAJI AKOB
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

YBRS. TUAN HAJI SAFRI BIN HAJI ZAINUDIN
SETIAUSAHA TETAP
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & PENGANGKUTAN
SARAWAK

YBHG. PROF. DATO' DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI
VICE-CHANCELLOR UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

YBRS. EN. BASNEL GUSWINDOO BIN BASRI
STUDENT REPRESENTATIVE COUNCIL, UNIMAS

DIF-DIF JEMPUTAN

1. Alhamdulillah, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama di Majlis Perasmian Pembinaan Jejantas Pejalan Kaki dan Motosikal Di Pintu Masuk Kampus Universiti Malaysia Sarawak. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada urusetia majlis ini daripada Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak, Kementerian Kerja Raya, jabatan-jabatan serta agensi-agensi dari Negeri Sarawak yang berusaha mengadakan majlis ini dengan jayanya.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

2. Kementerian Kerja Raya berperanan melaksanakan projek infrastruktur awam terutamanya jalan raya dan lebuh raya. Dalam pelaksanaan projek tersebut, Kementerian sentiasa peka kepada isu keselamatan bagi memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya. Aspek tersebut ditekankan bukan sahaja pada peringkat pembinaan tetapi juga selepas projek tersebut siap. Begitu juga aspek keselamatan pengguna jalan raya juga diambil kira semasa peringkat penyelenggaraan bagi memastikan jalan raya tersebut selamat dan selesa untuk digunakan.

3. Salah satu usaha bagi memastikan jalan raya tersebut sentiasa selamat adalah dengan melaksanakan program '*zero pothole*' (sifar jalan berlubang) iaitu memastikan semua jalan raya di bawah selenggaraan Kementerian dan JKR tiada lubang atau '*zero pothole*'. Begitu juga program 'Rakan KKR' dan Aplikasi Mobile Apps Aduan Jalan KKR juga telah dilaksanakan di mana

pengguna sama-sama meninjau dan menyampaikan maklumat kepada Kementerian apabila ada lubang atau kerosakan pada jalan raya supaya syarikat konsesi boleh mengambil tindakan. Syarikat konsesi yang dilantik bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan jalan raya berada dalam keadaan yang baik, menguruskan aduan berkaitan kerosakan jalan raya dengan segera dan mematuhi kualiti kerja mengikut piawaian yang ditetapkan.

4. Seajar dengan itu, projek pembinaan jejantas juga dijadikan sebagai sebahagian program keselamatan jalan raya. Ini adalah satu lagi komitmen oleh Kerajaan bagi menyediakan satu lagi kemudahan untuk kegunaan rakyat. Projek jejantas pejalan kaki dan motosikal di pintu masuk kampus Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Kota Samarahan adalah satu inisiatif kerajaan untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya, terutamanya pelajar dan warga UNIMAS dari kawasan perumahan Taman Desa Ilmu yang terletak di seberang pusat pengajian tinggi awam ini dan di kawasan sekitarnya.

5. Hasil bancian trafik mendapati pada waktu puncak, sebanyak 2,199 hingga 3,344 kenderaan melalui Lebuhraya Kuching/ Samarahan/ Asajaya dan seramai 800 hingga 900 pejalan kaki melintasi lebuhraya tersebut. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada UNIMAS, setakat ini 1 kemalangan telah berlaku pada April 2013 membabitkan pejalan kaki warga UNIMAS dengan penunggang motosikal.

6. Setiap hari, pejalan kaki yang melintasi Lebuhraya Kuching/ Samarahan/ Asajaya yang sesak pada waktu puncak terdedah kepada risiko kemalangan jalan raya. Walaupun rekod kemalangan rendah dan tiada kemalangan maut, warga UNIMAS dan pengguna awam tetap terdedah kepada risiko

kemalangan jalan raya apabila melintasi lebuhraya tersebut tanpa jejantas pejalan kaki.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

7. Pembinaan jejantas ini telah dimulakan pada 4 Ogos 2015 dan telah siap sepenuhnya pada 16 Jun 2016 dengan kos sebanyak RM4.2 juta. Jejantas ini juga akan dapat mengurangkan masa dan jarak perjalanan menyeberangi Lebuhraya Kuching/ Samarahan/ Asajaya. Bagi pengguna dari Asajaya, mereka tidak perlu mengelilingi bulatan Jalan Entingan dan jarak perjalanan dapat dikurangkan kepada 3.2 kilometer dan masa perjalanan dapat dikurangkan kepada 4 minit. Manakala bagi pengguna dari kampus UNIMAS, mereka tidak perlu mengelilingi bulatan Jalan Datuk Muhammad Musa untuk menyeberang ke kawasan perumahan di luar kampus tersebut di Taman Desa Ilmu.

8. Dengan siapnya pembinaan jejantas ini akan meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya di Lebuhraya Kuching/ Samarahan/ Asajaya dan akan melancarkan aliran trafik di kawasan tersebut serta mengurangkan gangguan trafik melibatkan pejalan kaki yang menyeberangi jalan tersebut.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Apa yang terus diharapkan adalah sokongan semua terhadap Kerajaan dalam melaksanakan agenda-agenda pembangunan infrastruktur di Sarawak. Kerajaan sentiasa prihatin dan menyedari akan harapan rakyat untuk melihat kemajuan negeri ini selari dengan sasaran kerajaan untuk mencapai taraf Negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, saya menyeru tuan/puan untuk terus memberikan keyakinan

kepada Kerajaan untuk memastikan kesinambungan pembangunan dan kemajuan negeri ini.

10. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan majlis ini. **Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembinaan Jejantas Pejalan Kaki Dan Motosikal Di Pintu Masuk Kampus Universiti Malaysia Sarawak.**

Sekian. Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh. Terima Kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

PROJEK PEMBINAAN JEJANTAS PEJALAN KAKI DAN MOTOSIKAL DI PINTU MASUK KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Skop Projek;

- ❑ Membina jejantas pejalan kaki dan motosikal di pintu masuk Kampus UNIMAS Kota Samarahan dengan panjang 50m & lebar 2.5m merentasi Lebuhraya Kuching-Kota Samarahan-Asajaya.

Kos Kontrak	: RM 4,236,667.00
Tempoh Kontrak	: 10 bulan
Tarikh Mula	: 04.8.2015
Tarikh Siap	: 16.06.2016
Kontraktor	: Syarikat Scilla Sdn. Bhd.
Pegawai Penguasa	: Pengurus Wilayah, JKR Wilayah Selatan
Pelanggan	: Kerajaan Malaysia